

BCFA bina Bangunan Perhubungan



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar hadir selaku tetamu kehormat dalam Majlis Angkat Sumpah Ahli Jawatankuasa Baru Persatuan Persahabatan Brunei - China (BCFA) 2015 - 2017.

JERUDONG, Isnin, 9 Februari. - Sebagaimana lambang persahabatan di antara Negara Brunei Darussalam dan China, Persatuan Persahabatan Brunei-China (BCFA) telah membina sebuah bangunan di Nanjing Guangxi yang diberi nama 'Brunei Darussalam Liaison Building' ataupun Bangunan Perhubungan.

Ia merupakan salah satu projek yang menjadi mercu tanda perhubungan mesra di antara rakyat kedua-dua

Oleh : Nooratini Haji Abas, Hajah Noor Dina Haji Abd. Rahman
Foto : Hamzah Mohiddin

buah negara.

Mantan Presiden BCFA 2012 / 2014, Dr. Haji Kamardin bin Dato Paduka Haji Talip berucap demikian pada Majlis Angkat Sumpah Ahli Jawatankuasa Baru BCFA 2015 / 2017 di Restaurant Tarindak d'Polo, di sini.

Oleh itu, beliau berharap ahli jawatankuasa BCFA 2015 / 2017 yang baru dilantik akan memastikan Liaison Building di Nanjing tersebut dapat dijaga, diurus dan ditadbir dengan efisien.

"Para pentadbir bangunan ini mestilah sentiasa bersikap telus dan mengamalkan sikap bertanggungjawab supaya segala idea, usaha dan masa yang dicurahkan oleh jawatankuasa yang lama tidak akan terbuang begitu saja," ujarnya.

Mangsa banjir dan kebakaran terima sumbangan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerja Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada Majlis Penyerahan Bantuan Kewangan Kerajaan yang berlangsung di Dewan Darul Imtiyaz, Pusat Bahagia Daerah Brunei dan Muara, Kampung Pulai.

PULAI, Isnin, 9 Februari. - Para keluarga yang terlibat dalam kejadian banjir kilat Kampung Junjungan, Kampung Lumapas, Kampung Bunut dan kebakaran rumah di Kampung Setia 'B' di Daerah Brunei dan Muara (DBM) menerima sumbangan dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Sri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Sumbangan yang berjumlah BND47,850 tersebut disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerja Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah pada Majlis Penyerahan Bantuan Kewangan Kerajaan yang berlangsung di Dewan Darul Imtiyaz, Pusat Bahagia DBM, Kampung Pulai, di sini.

Sejumlah BND14,000 telah disumbangkan kepada 20 keluarga yang terlibat dalam banjir kilat, manakala sejumlah BND33,850 disumbangkan kepada mangsa kebakaran di Kampung Setia 'B'.

Kebakaran yang berlaku pada 28 Januari 2015 lalu telah mencjeaskan empat buah rumah, di mana empat darinya ranap drijilat api dan empat buah lagi mengalami kerosakan.

JAPEM telah menyediakan makanan tersedia kepada mereka yang terlibat dalam kejadian-kejadian banjir kilat dan kebakaran selain menyumbangkan bantuan berupa catuan makanan untuk tempoh seminggu, bantal, kain dan selimut.

Hadir sama Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajar Adina binti Othman dan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Muluk Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Seterusnya, jawatankuasa yang baru juga diharap akan dapat memberikan sumbangan yang lebih produktif dan konstruktif kepada persatuan itu nanti.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Seramai 19 ahli jawatankuasa yang baru dilantik dalam BCFA 2015 / 2017 mengangkat sumpah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Sri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Majlis diteruskan dengan

penandatanganan pelantikan jawatan baru tersebut bersama tetamu kehormat majlis.

Sementara jawatan Presiden BCFA 2015 / 2017 yang baru itu akan diterajui oleh Awang Ang Swee Chuan.

BCFA yang telah terjalin selama sembilan tahun itu akan terus memberikan sumbangan ke arah persahabatan kedua-dua buah negara melalui aktiviti ekonomi dan perdagangan, di samping pertukaran kebudayaan serta fokus kepada aktiviti pemuda-pemuda dan pelajar-pelajar.

Persatuan itu merupakan pertubuhan bercirikan kebrunei yang akan taat setia kepada Kerajaan Kebawah DYMM.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ketika menghadiri Majlis Minum Petang bagi Majlis Angkat Sumpah Ahli Jawatankuasa Baru Persatuan Persahabatan Brunei - China (BCFA) 2015 - 2017.

UNISSA meterai MoU bersama UNISEL

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mencapai satu lagi sejarah dengan termeterainya Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Universiti Selangor (UNISEL) bagi kerjasama akademik.

la berlangsung di bilik Senat, UNISSA, di sini.

Hadir menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfah bin Haji Zainal dan Presiden dan Vice Chancellor, bagi pihak UNISEL, Profesor Dr. Haji Anuar bin Haji Ahmad.

Dalam memorandum tersebut kedua-dua buah universiti bersetuju menjalin kerjasama dalam bidang akademik dan program mobiliti pelajar / staf dalam bidang-bidang tertentu serta lain-lain bidang yang boleh diperluaskan dari semasa ke semasa.

UNISEL yang dahulunya dikenali sebagai Universiti Industri Selangor telah ditubuhkan pada 23 Ogos 1999, UNISEL beroperasi di dua kampus, iaitu di Kampus Bestari Jaya, Kuala Selangor dan Kampus Bandar Seksyen 7, Shah Alam.

Pembentukan UNISEL juga seiring dengan hasrat Kerajaan Negeri sekarang untuk menjadikan Selangor sebagai hub pendidikan serantau yang terunggul. UNISEL menceritakan kumpulan pelajar pertamanya pada 9 September 1999.

Pada peringkat awal, UNISEL hanya mempunyai tiga program pengajian sahaja, pada akhir tahun 2014, sebanyak 89 program pengajian meliputi hampir kesemua aspek disiplin keilmuan diperkenalkan, dari hanya 300 pelajar pada tahun 1999, kini UNISEL mampu menampung 14 ribu pelajar dalam satu-satu masa.

Dengan termeterainya MoU itu, pelbagai program kerjasama dalam bidang akademik dan bukan akademik antara dua buah universiti

dapat dilaksanakan secara lebih berkesan.

Ini menunjukkan bahawa UNISSA terus komited untuk meluaskan kerjasama strategik dalam bidang akademik dengan institusi-institusi pengajian tinggi antarabangsa bagi memastikan kualiti akademik dan pengurusan universiti terjamin setara dengan universiti luar negara.

UNISSA, sejak penubuhannya pada 1 Januari 2007 telah berjaya secara intensif melaksanakan beberapa jalinan kerjasama dan menandatangi MoU dengan universiti-universiti scrantau dan antarabangsa sckalu gun meningkatkan reputasi UNISSA di peresaan antarabangsa.

Sementara sebelah petang pula, UNISSA telah menerima kunjungan empat orang delegasi dari Universiti Islam Malaysia (UIM) yang diketuai oleh Profesor Dr. Mohammad Abdul Hamid, Dekan Bahagian Akademik

dan Perhubungan Industri.

Sebelum memulakan lawatan, rombongan UIM telah membuat kunjungan hormat kepada Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfah bin Haji Zainal yang juga turut dihadiri oleh pegawai-pegawai Ekssekutif UNISSA.

UIM yang ditubuhkan pada 1 November 2013 adalah hasil dari Kolej Islam Malaya (KIM) yang telah ditubuhkan pada 8 April 1955 di Kampung Jawa, Klang wakaf dari Sultan Selangor.

Kemasukan pertama seramai 40 orang pelajar ke KIM adalah pelajar dari Malaya, Singapura, Brunei dan Thailand.

Tujuan utama rombongan berkunjung ke UNISSA adalah untuk membangunkan dan meneroka peluang kerjasama dua hala di antara UIM dan UNISSA serta kemungkinan untuk MoU di masa akan datang bagi mengukuhkan hubungan tersebut.



REKTOR UNISSA, Dr. Haji Norarfah bin Haji Zainal dan Presiden dan Vice Chancellor bagi pihak UNISEL, Profesor Dr. Haji Anuar bin Haji Ahmad ketika bertukar dokumen yang telah dimeterai.